

Anwar berbincang dengan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan pada Khamis.



Pinjaman RM1.1 bilion perlu dibayar balik

Dana pastikan 2,000 vendor terima bayaran, bukan selamatkan pengurusan SEB

Oleh TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui tidak senang dengan keputusan untuk menyelamatkan syarikat besar tatkala puluhan ribu syarikat kecil sedang 'terlantar'.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, suntikan dana RM1.1 bilion kepada Sapura Energy Berhad (SEB) merupakan suatu pinjaman yang perlu dibayar balik.

"Apakah dana ini hangus Tidak. Ia dijadikan modal supaya pengurusan baharu dapat meng-

urus dengan baik dan membayar semula RM1.1 bilion," katanya.

Ujar beliau, dana yang disalurkan bertujuan untuk memastikan pembayaran dapat dilakukan kepada 2,000 vendor yang telah menjalankan kerja bagi syarikat minyak dan gas tersebut, bukan untuk menyelamatkan individu atau pihak pengurusan SEB.

"Saya tidak bantu menyelamatkan tauke kaya (kerana) setiap sen wang itu terus kepada vendor yang telah bekerja tetapi tiada bayaran," katanya ketika berucap semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan (MoF) di sini pada Khamis.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, SEB tidak boleh dibiarkan bankrap kerana ia merupakan satu-satunya syarikat minyak dan gas yang mempunyai vendor bumiputera.

"Jika ia ditutup, maknanya tiada lagi syarikat tempatan yang mampu mengendalikan kerja-kerja peringkat hiliran berkaitan minyak dan gas di Malaysia dan akhirnya semua kontrak akan jatuh ke

tangan syarikat asing," katanya.

Tambah Anwar, langkah kerajaan membantu syarikat tersebut dibuat secara telus dan mengikut peraturan selepas audit forensik dilaksanakan.

"Saya antara yang paling keras menentang *boilout*. Pengalaman saya sekitar tahun 1997 dan 1998 mengajar bahawa kita tidak boleh menyelamatkan syarikat yang gagal tanpa syarat ketat.

"Sebab itu kita melantik Ernst & Young untuk menjalankan audit forensik bagi memastikan ketelusan sebelum membuat keputusan ini," katanya.

Isu SEB hangat diperkatakan ketika ini apabila syarikat itu menerusi pemfailan Bursa Malaysia pada Selasa mengumumkannya sudah menerima RM1.1 bilion sebagai pelaburan daripada syarikat tujuan khas di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan, Malaysia Development Holding Sdn Bhd (MDH).

Pelaburan itu akan digunakan secara eksklusif untuk membayar hutang syarikat minyak dan gas itu kepada 2,000 vendornya.

